

## MAHATHIR - PENGHARGAAN

1981

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARINI MENSIFATKAN DATUK HUSSEIN ONN SEBAGAI SEORANG NEGARAWAN YANG TERKENAL DENGAN SIFAT-SIFAT TEGAS, JUJUR DAN BERDISIPLIN SERTA MEMPUNYAI AMEJNYA TERSENDIRI DALAM UMNO.

PRESIDEN UMNO YANG EARU ITU MEMBERI SANJUNGAN TINGGI TERHADAP SIKAP PERDANA MENTERI DI ATAS CARA BELIAU MENGUNDURKAN DIRI DARI MEMEGANG JAWATAN PRESIDEN UMNO DAN TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA.

+DALAM DUNIA YANG MANA PEMIMPIN SUKAR MENGUNDUR DIRI TANPA PAKSAAN, SIKAP DATUK HUSSEIN TENTULAH DISANJUNGTINGGI+, KATANYA KETIKA BERUCAP MENGULUNG PERBAHASAN-PERBAHASAN DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG BERAKHIR HARI INI.

BAKAL PERDANA MENTERI BERKATA BIASANYA TIDAK MUDAH BAGI SESEORANG ITU UNTUK MELEPASKAN TEMPAT YANG SEBEGITU TINGGI.

+BIASANYA PEMEGANG JAWATAN ITU AKAN CUBA MENGEKALKAN JAWATANYA ATAUPUN SEKURANG-KURANGNYA MENGEKALKAN PENGARUHNYA KE ATAS JAWATAN TERSEBUT, BIASANYA PERCUBAAN DIBUAT UNTUK MENGUJUDKAN SATU DINASTI, KATANYA. — BERSAMBUNG 2025/MK

## MAHATHIR - PENGHARGAAN 2 KUALA LUMPUR

JIKA JAWATAN YANG PENTING SEPERTI ITU DILEPASKAN, BIASANYA ADA PULA ORANG YANG CUBA MEMAKSA MELEPASKANYA, KATANYA.

TAMBAHNYA DI BANYAK NEGARA KEADAAN INI MENJADI BEGITU JELAS DAN TERBUKA SEHINGGA MENJADI BUAH MULUT ORANGRAMAI DAN BAHAN RENCANA AKHBAR DALAM DAN LUAR NEGERI SEBELUM TIMBUL KESEDERAN BAHAWA PEMIMPIN ITU SUDAH SAMPAI MASANYA UNTUK BERUNDUR.

PADA LAZIMNYA PARA PEMIMPIN Mencari bermacam-macam helah untuk tidak mengundurkan diri dan apabila tidak ada jalan lain baginya melainkan mengundur diri maka ia akan mengemukakan calon pilihannya, calon dari keluarga atau dari orang kesayangannya sebagai

ALTERNATIF

DENGAN DEMIKIAN LAHIR PERASAAN KEKECEWAAN, MELAINKAN BAGI YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

BAGAIMANAPUN MALAYSIA BERUNTUNG KERANA MENDAPAT PEMIMPIN SEPERTI DATUK HUSSEIN YANG MEMBERI PILIHAN KEPADA PERWAKILAN UMNO MEMILIH SENDIRI BARISAN PEMIMPIN MASA DEPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA DATUK HUSSEIN MELETAKAN JAWATANYA PADA TAHUN LALU ATAUPUN PADA TAHUN DEPAN PERWAKILAN UMNO TIDAK MUNGKIN BERPELUANG MEMBUAT PILIHAN PENGGANTI BELIAU DAN PENGGANTI BAGI LAIN-LAIN JAWATAN YANG DIKOSONGKAN.

+JIKA PERLETAKAN JAWATAN BELIAU DIBUAT TAHUN LALU DAN JAWATAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DIPILIH OLEH BELIAU SENDIRI MAKA INI AKAN MENJADI SATU FAIT ACCOMPLI Y SUKAR UNTUK UMNO MENOLAK.

— BERSAMBUNG 2040/MK

## MAHATHIR-PENGHARGAAN 3 KUALA LUMPUR

NEGARA BERBANGGA DENGAN SIKAP NEGARAWAN DATUK HUSSEIN DAN SEJARAH AKAN MENCATATKAN PERISTIWA INI SEBAGAI SATU PERISTIWA YANG DIMULIA DAN DIHORMATI, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA GUNANYA BELIAU BERSIFAT HIPOKRIT DAN TIDAK MENGAKU BAHAWA BELIAU BERBANGGA DENGAN JAWATAN YANG AKAN DISANDANGNYA.

+TETAPI YANG LEBIH SAYA BANGGAKAN IALAH SIKAP KERELAAN DATUK HUSSEIN DALAM TINDAKANNYA MENARIK DIRI DARI MENJADI PRESIDEN UMNO, SATU JAWATAN YANG TERPENTING DALAM NEGARA, SATU JAWATAN YANG BEGITU BANYAK IMPLIKASI DAN SATU JAWATAN YANG MUNGKIN MENJADI IDAMAN RAMAI+, KATANYA. — BERNAMA 2047/MM